

KEBERKESANAN STRATEGI PENGAJARAN TIMBAL BALIK TERHADAP KEMAHIRAN DAN MINAT MEMBACA TEKS SASTERA DALAM KALANGAN PELAJAR ELEKTIF SASTERA DI SEKOLAH MENENGAH

Sylvester JUA¹

Norazimah ZAKARIA²

^{1,2} Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris.

sylvesterjua45@gmail.com

norazimah@fbk.upsi.edu.my

Received: 2nd June 2023

Accepted: 9th June 2023

ABSTRAK

Pelajar elektif Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK) didapati kurang kemahiran dan minat membaca teks sastera. Objektif kajian ini ialah mengkaji keberkesanannya penggunaan Strategi Pengajaran Timbal Balik dalam memupuk kemahiran dan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar elektif Sastera di sekolah menengah dan mengenal pasti tahap kemahiran serta minat membaca teks sastera pelajar elektif Kesusasteraan Melayu. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah penyelidikan secara kualitatif dan memfokuskan kepada kajian tindakan. Kajian ini mengetengahkan beberapa kaedah, iaitu temu bual berstruktur, pemerhatian dan analisis dokumen. Kajian ini melibatkan temu bual berstruktur dan pemerhatian terhadap dua orang guru KMK dan 20 orang pelajar KMK yang terdiri daripada tingkatan empat dan lima di salah sebuah sekolah menengah di Daerah Sri Aman, Sarawak. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar elektif KMK di sekolah menengah tidak berminat untuk membaca teks sastera dan tidak mempunyai kemahiran membaca teks sastera dengan betul. Strategi Pengajaran Timbal Balik didapati membantu pelajar elektif KMK dalam memahami teks yang dibaca. Selain itu, informan juga menyatakan bahawa kaedah pembelajaran secara koperatif yang mengaplikasikan Strategi Pengajaran Timbal Balik membantu pelajar memahami teks sastera yang dipelajari. Implikasi kajian ini ialah Strategi Pengajaran Timbal Balik dapat meningkatkan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar elektif KMK di sekolah. Oleh itu, penggunaan Strategi Pengajaran Timbal Balik harus diperluaskan bagi memupuk budaya membaca pelajar bukan sahaja untuk mata pelajaran KMK bahkan mata pelajaran yang lain.

Kata Kunci: Strategi Pengajaran Timbal Balik; kemahiran membaca; minat membaca; teks sastera; pembelajaran koperatif.

THE EFFECTIVENESS OF RECIPROCAL TEACHING STRATEGIES ON READING SKILLS AND INTEREST TOWARDS LITERARY TEXT AMONG LITERATURE ELECTIVE SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

Students of the elective subject ‘Kesusasteraan Melayu Komunikatif (KMK)’ have been found to lack the skills and interest in reading literary text. Therefore, this study aims to investigate the effectiveness of reciprocal teaching strategies in cultivating reading skills and interest in such texts among elective literature students at the secondary school level. In addition, this study aims to identify the current degree of skill and interest of such students in perusing Malay literature. The research design employed in this study is qualitative, focusing on action research, alongside structured interviews, observation and document analysis. The subjects involved were two KMK teachers and 20 Secondary Four and Five KMK students of a specific school in Sri Aman, Sarawak, East Malaysia. Data showed that the student subjects were disinterested in perusing literary text, coupled with the inability to do so correctly. In addition, reciprocal teaching strategies were found to be able to assist the students in text comprehension. Informants also stated that cooperative learning methods that utilise reciprocal teaching strategies could help students understand the literary text. In conclusion, reciprocal teaching may promote KMK students’ interest towards reading literary texts. Thus, these strategies should be expanded to nurture a culture of reading, not only for KMK but for other subjects, too.

Keywords: reciprocal teaching; reading skills; reading interest; literary text; cooperative learning.

Pengenalan

Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Kesusasteraan Melayu di sekolah kian mencabar dengan perubahan yang semakin ketara. Perubahan ini dapat dilihat dalam aspek kurikulum dan pedagogi yang melibatkan pengenalan pelbagai cara, strategi dan kaedah pembelajaran. Seiring dengan kemajuan dari segi teknologi dan inovasi dalam dunia pendidikan, integrasi teknologi memainkan peranan yang penting terhadap perkembangan PdP di sekolah khasnya PdP Kesusasteraan Melayu (Ani Omar, 2016). Hal ini menunjukkan bahawa pelbagai jenis pendekatan dan model-model pembelajaran digunakan dalam memastikan bahawa mata pelajaran Kesusasteraan Melayu berkembang seiring dengan arus pemodenan. Penghayatan mata pelajaran Kesusasteraan Melayu bukan sahaja dari aspek penghayatan estetika bahasa, malahan juga merangkumi aspek pengaplikasian teknologi maklumat dan komunikasi. Di samping itu, dalam PdP kesusasteraan Melayu memerlukan kemahiran membaca yang baik dalam kalangan pelajar-pelajarnya.

Hal ini supaya teks-teks yang dibaca dapat dihayati dan difahami oleh pelajar. Untuk membantu para pelajar menghayati bahan sastera, peranan guru amat penting dalam memilih kaedah atau strategi pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dalam strategi pengajaran seperti penggunaan Strategi Pembelajaran Timbal Balik yang sememangnya menekankan kepada pengetahuan yang diperoleh oleh pelajar daripada bahan bacaan mereka. Strategi Pengajaran Timbal Balik merupakan salah satu strategi pengajaran yang tidak asing lagi dalam dunia pendidikan khasnya bagi guru-guru mata pelajaran bahasa di sekolah. Menurut Swet & Ponte (2007), Pembelajaran Timbal Balik merupakan pembelajaran yang dijalankan dalam kumpulan yang menunjukkan pelajar dan guru saling belajar bersama-sama, namun mereka mempunyai tanggungjawab yang berbeza. Hal ini kerana pelajar akan memperoleh penguasaan maklumat, konsep, fakta, sikap, amalan, kemahiran melakukan kerja, kemahiran berfikir dan perubahan tingkah laku (Umi Kalsom Mohd. Salleh, 2005).

Strategi Pengajaran Timbal Balik merupakan pembelajaran yang efektif dan berkesan apabila guru bertindak memantau pemahaman pelajar. Justeru, pelajar yang kurang memberikan penjelasan dan mengajukan soalan menunjukkan pelajar kurang memperoleh pemahaman kerana kurang efektif dalam penggunaan domain kognitif mereka. Strategi Pengajaran Timbal Balik juga merujuk kepada penglibatan komunikasi secara interaktif antara kumpulan kecil pelajar dengan guru, pelajar dengan rakan-rakan dan pelajar dengan masyarakat di sekeliling mereka (Schunk, 2000). Menurut Pressley & Harris (2006), keunikan yang terdapat dalam Strategi Pengajaran Timbal Balik ialah pelajar akan mengambil alih peranan guru dan menjadi ketua untuk melaksanakan aktiviti di bilik darjah. Sehubungan itu, pembelajaran dan pengajaran Kesusastraan Melayu yang melibatkan proses bahasa seperti pembacaan yang membolehkan pelajar mendapat maklumat baharu, menggunakan pangkalan data pengetahuan mereka untuk mengakses dalam memperoleh bahasa melalui penyelesaian masalah, pembinaan makna dan perkongsian idea bagi mempengaruhi perkembangan literasi bahasa mereka melalui bacaan terhadap teks-teks sastera.

Seterusnya, pembacaan teks-teks sastera bukanlah suatu pembacaan yang menyeronokkan. Minat membaca dalam kalangan pelajar adalah berkait rapat dengan faktor pencapaian. Membaca teks sastera memerlukan cabaran-cabaran intelektual yang berbeza. Pelajar didapati minat membaca ruangan gosip, majalah hiburan, dan kemudahan teknologi berbanding membaca karya sastera yang bermutu tinggi. Pembacaan bahan bacaan jenis ini sekadar pengetahuan yang kosong dan tidak mampu meningkatkan daya pemikiran serta kreativiti kepada pelajar. Di samping itu, pelajar elektif sastera di sekolah kurang minat dalam membaca teks-teks sastera disebabkan beberapa faktor seperti wujudnya teknologi yang lebih canggih. Menurut Mohd Nazri Abdul Rahman (2018), hampir 90% pelajar hanya membaca bahan hiburan, gosip, cerita mistik atau kontroversi manakala bahan ilmiah hanyalah berkisar kepada nota dan buku-buku pelajaran sahaja.

Pembacaan teks-teks sastera memerlukan kemahiran bacaan yang berkesan dan pembaca haruslah mempunyai jiwa yang sihat serta minda yang tajam dalam memahami isi pembacaannya (Nurul Shahira Salim, 2017). Ilmu yang diperoleh akan merangsang minat dan naluri untuk menambah ilmu pengetahuan yang lain seterusnya akan membentuk satu budaya membaca dalam kalangan masyarakat. Pelajar ketika membaca kadang kala membaca tanpa berfikir atau memahami sebahagian daripada mesej yang terdapat dalam bahan bacaan tersebut. Pengaplikasian Strategi Pengajaran Timbal Balik mampu meningkatkan minat pelajar dalam membaca kerana strategi ini mengetengahkan empat proses pembacaan, iaitu menyayal, meramal, menjelaskan dan merumus yang pastinya akan memberikan kefahaman yang jelas kepada mereka. Pelajar didapati lebih memahami teks berbanding sebelum ini kerana mereka merasakan bahawa mudah untuk mereka faham teks yang dibaca jika dibandingkan dengan cara pembacaan yang digunakan sebelum ini. Situasi ini dapat meningkatkan minat mereka terhadap pembacaan teks sastera.

Selain itu, kurangnya tumpuan dan kemahiran guru terhadap penggunaan strategi membaca dalam kalangan pelajar semasa sesi PdP merupakan salah satu faktor yang menyumbang kepada kelemahan dalam kemahiran membaca pelajar (Oraib, 2017). Hal ini turut dibuktikan apabila terdapat beberapa kajian yang dijalankan seperti kajian yang dilakukan oleh Ooi (2020) yang membuktikan bahawa guru hanya mengajar strategi membaca, tetapi kekerapan penggunaan strategi membaca adalah terbatas. Guru juga hanya memfokuskan kepada strategi membaca yang sama seperti menetapkan matlamat pembacaan, memahami makna perkataan dan menjawab soalan pemahaman (Majdi Abdullah Ahmad AD-Heisat et al., 2009). Tambahan pula, kelemahan pelajar dalam kemahiran membaca adalah disebabkan mereka tidak mempunyai amalan ataupun strategi membaca yang bertepatan dengan mereka (Doolittle et al., 2006).

Pelajar kurang memberi perhatian kepada penggunaan strategi membaca semasa aktiviti pembacaan. Mereka juga tidak mencari jalan penyelesaian terhadap sesetengah maksud perkataan yang tidak difahami dalam teks bacaan mereka. Sebagai contoh, teks-teks sastera Melayu tradisional banyak menggunakan pelbagai bahasa klasik dan bahasa istana yang agak sukar difahami oleh generasi masa kini. Menurut Komariah et al., (2015) hal ini telah memberikan kesan kepada tahap literasi mereka. Hal ini kerana guru dan pelajar terlalu mementingkan hasil membaca sehingga mengabaikan proses membaca yang berlaku (Oraib, 2017). Guru hanya menilai hasil bacaan pelajar melalui aktiviti soal jawab dan jawapan yang diberikan oleh pelajar menunjukkan hasil bacaan mereka. Hal ini telah menyebabkan pelajar lemah dalam pengaplikasian kemahiran metakognitif semasa membaca. Menurut Huang (2018), beliau menyatakan bahawa guru masih terikat dengan strategi pengajaran dalam kelas dengan mengaplikasikan pendekatan pengajaran yang berpusatkan guru sahaja yang menjadikan sesi pengajaran dan pembelajaran tersebut tidak mempunyai komunikasi dua hala antara guru dengan pelajar kerana pelajar kurang diberikan peluang untuk berfikir dan mengeluarkan pendapat mereka.

Strategi pengajaran timbal balik amat berkaitan dengan Teori Konstruktivisme Sosial dan pembelajaran koperatif. Menurut Effandi Zakaria (1998), pembelajaran koperatif adalah suatu kaedah pengajaran yang memberikan peluang kepada pelajar-pelajar saling membantu antara satu sama lain dalam kumpulan kecil. Pembelajaran koperatif berlaku apabila pelajar bekerjasama secara berkumpulan, berkongsi idea, saling membantu dalam menyelesaikan masalah dan memastikan semua ahli kumpulan menguasai isi pembelajaran dengan bimbingan daripada guru. Menurut Palincsar (2013), Strategi Pengajaran Timbal Balik merupakan teknik perbincangan perancangan (*scaffolded*) yang dibina berdasarkan empat strategi. Strategi Pengajaran Timbal Balik ini bertujuan untuk mengajar teknik atau strategi kepada pelajar agar mereka berupaya mengatasi masalah yang berlaku dalam aktiviti membaca.

Penggunaan Strategi Pengajaran Timbal Balik mempunyai tujuan dan matlamatnya tersendiri, iaitu untuk meningkatkan kemahiran menyoal, menjelaskan dan merumuskan serta membimbang pelajar dalam kemahiran membaca. Teori konstruktivisme, pembelajaran koperatif dan Strategi Pengajaran Timbal Balik adalah saling berkaitan antara satu sama lain. Vygotsky menegaskan bahawa perkembangan seseorang individu termasuk pemikiran, kemahiran bahasa serta kebolehan melakukan pemikiran logik akan dipengaruhi oleh budaya masyarakat. Kebolehan tersebut dapat diperkembangkan melalui proses interaksi antara satu sama lain. Hal ini memberikan kelebihan kepada kemahiran membaca pelajar terutamanya membaca bahan sastera dalam kalangan pelajar secara berkumpulan. Pelajar secara berkumpulan membantu antara satu sama lain bagi memberikan kefahaman yang sama berkenaan dengan bahan sastera yang dibaca bersama dengan rakan-rakan yang lain.

Fokus utama kajian ini adalah untuk menguji tahap keberkesanan Strategi Pengajaran Timbal Balik terhadap kemahiran dan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar elektif sastera di sekolah menengah. Kajian berkaitan strategi pengajaran membaca teks sastera sangat terhad kerana kebanyakan kajian berfokus kepada nilai estetika dan pemikiran di dalam karya sastera dan seterusnya berkenaan dengan kaedah pengajaran yang menggunakan pelbagai aplikasi dan sebagainya. Oleh itu, bagi mengetahui tahap keberkesanan, pengkaji telah menetapkan dua objektif, iaitu untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan minat membaca teks sastera pelajar elektif kesusasteraan Melayu di sekolah dan untuk menganalisis keberkesanan Strategi Pengajaran Timbal Balik terhadap memupuk kemahiran membaca dan minat membaca pelajar kesusasteraan Melayu di sekolah berdasarkan teori konstruktivisme. Kaedah kajian kualitatif telah digunakan bagi mendapatkan dapatan kajian yang mempunyai nilai kebolehpercayaan yang tinggi.

Sorotan Literatur

Strategi pengajaran memainkan peranan yang penting dalam membantu guru dengan pengaplikasian teori-teori pengajaran yang membolehkan pelajar memahami faktor yang mempengaruhi dan mempercepatkan proses pembelajaran pelajar (Syahida Nadia Zakaria, 2015). Strategi pengajaran telah banyak digunakan dan dikaji oleh para penyelidik yang terdiri daripada pelbagai latar belakang seperti guru, pensyarah dan sebagainya. Menurut McAllum (2014), pembentukan strategi Pengajaran Timbal Balik dimulakan dengan membahagikan pelajar kepada beberapa kumpulan yang terdiri daripada enam orang murid bagi satu kumpulan. Berdasarkan kajian mereka, kesemua pelajar tersebut mampu membaca, tetapi lemah dalam pemahaman teks. Setelah itu, mereka membentuk model Strategi Pengajaran Timbal Balik ini yang mengandungi pelbagai variasi cara pengajaran yang menggunakan model ini. Sebagai bukti, terdapat beberapa penyelidik telah menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik seperti Westera (2002) yang membentuk kumpulan pelajar kepada tiga hingga enam orang dalam satu kumpulan dan pengajaran dikendalikan oleh pengajar pakar dan staf sokongan sepanjang 12 hingga 16 kelas. Beliau mencadangkan agar lebih daripada 12 kelas perlu dijalankan untuk mendapat keputusan yang ketara. Kumpulan yang dibentuk mampu memberikan peluang kepada pelajar untuk belajar dalam kumpulan dan pada masa yang sama menggalakkan pembelajaran yang mampu membina ilmu yang bermakna.

Menurut Celinea Lasan & Zamri Mahamod (2018), Pembelajaran Timbal Balik merupakan pembelajaran yang dilakukan dalam kumpulan yang memperlihatkan pelajar dan guru saling bersama-sama, namun masing-masing mempunyai tanggungjawab yang berbeza. Hal ini kerana pelajar akan memperoleh ilmu dalam penguasaan maklumat, fakta, konsep, sikap, amalan, kemahiran berfikir dan tingkah laku. Menurut Pressley & Harris (2006), Pengajaran Timbal Balik merujuk kepada penglibatan komunikasi secara interaktif antara kumpulan kecil pelajar dan guru. Berdasarkan kajian Celinea Lasan & Zamri Mahamod (2018) terhadap amalan Pembelajaran Timbal Balik bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi Bidayuh di Sarawak. Dapatan kajian mereka menunjukkan bahawa murid Bidayuh memperoleh pencapaian matlamat dalam Pembelajaran Timbal Balik dalam bahasa Melayu melalui kepuasan bahan bacaan bahasa Melayu. Selain itu, kajian mereka turut menyokong kepada kajian yang dijelaskan oleh Yeop Hussin (2006) yang menjelaskan bahawa pembelajaran berkumpulan ataupun Pembelajaran Timbal Balik membantu guru dalam mengawal keadaan di dalam bilik darjah dengan lebih teratur serta memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Seterusnya, kajian ini juga bagi menyokong pendapat yang dinyatakan oleh Norwaliza Abdul Wahab (2014), dalam kajiannya yang menyatakan bahawa murid orang asli tidak dapat mengingati pembelajaran lepas disebabkan guru tidak mengaitkannya dengan isi kandungan pelajaran yang berkaitan dengan persekitaran pembelajaran murid serta perkara-perkara yang pernah mereka pelajari. Hal ini kerana pengukuhan pengalaman dalam pembelajaran membina kesediaan pelajar dalam pembelajaran timbal balik. Beliau juga mendapati bahawa budaya persekitaran murid relevan kepada pembelajaran terhadap perkara yang dipelajari dikaitkan dengan pengalaman persekitaran. Justeru, amalan Pembelajaran Timbal Balik yang bersifat amalan pembelajaran dua hala serta melibatkan interaksi sosial yang aktif bagi memecahkan kebuntuan dalam pembelajaran serta memberi rangsangan motivasi kepada pelajar di bilik darjah.

Strategi Pengajaran Timbal Balik dengan Teori konstruktivisme atau lebih dikenali Sebagai Teori Perkembangan Kognitif yang digagaskan oleh Vygotsky mempunyai perkaitan antara satu sama lain (Ooi, 2020). Menurut kajian Ooi (2020), Vygotsky telah menghubungkaitkan antara dialog dengan metakognitif untuk menjelaskan bagaimana proses perkembangan pemahaman individu terhadap sesuatu konsep yang baharu. Selain itu, teori ini juga lebih menekankan kepada peranan pengajaran dan interaksi sosial bagi perkembangan pengetahuan. Menurut Syahida Nadia Zakaria (2015), beliau mengulas penyataan McBrien & Brandt (1997), yang menyatakan teori konstruktivisme adalah satu pendekatan pengajaran yang berdasarkan penyelidikan bagaimana manusia belajar. Banyak pendapat yang diketengahkan oleh

penyelidik bahawa setiap individu membina pengetahuan dan bukannya menerima pengetahuan daripada orang lain. Beliau juga berpendapat bahawa teori ini mampu membantu pelajar membina makna tentang dunia dengan mensintesiskan pengalaman baharu dan mengaitkannya dengan pengetahuan sedia ada mereka.

Teori konstruktivisme menurut Ballingiller (2013), dalam kajian mereka menunjukkan murid dapat belajar tentang dunia dengan menyesuaikan pengetahuan baharu dengan apa yang diperoleh dan difahami. Menurut Zaidatul Akmar Zahari (2020), dalam konsep pendekatan pembelajaran menggunakan teori konstruktivisme, pelajar secara tidak langsung akan memberikan fokus kerana mereka diberikan kebebasan mengutarakan pandangan di dalam kelas. Beliau juga menjelaskan bahawa pembelajaran dengan menggunakan teori ini adalah berpusatkan pelajar. Menurut Zaidatul Akmar Zahari (2020), pendekatan konstruktivisme ini memainkan peranan yang penting dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam bermula daripada peringkat sekolah rendah lagi. Guru hendaklah bijak mengambil kira struktur kognitif murid bagi membantu mereka membina pengetahuan baru. Berdasarkan dapatan kajian juga beliau menunjukkan bahawa teori konstruktivisme dapat menarik minat murid pada peringkat sekolah rendah bagi mata pelajaran Pendidikan Islam. Kajian beliau juga berjaya menunjukkan keberkesan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah rendah. Oleh yang demikian, dalam pembelajaran Pendidikan Islam demi mencapai hasrat pembelajaran guru perlu berfikiran kreatif dan bijak menggunakan kaedah pengajaran dan pembelajaran konstruktivisme dengan lebih kreatif dan inovatif yang bersesuaian dengan kecenderungan dan minat pelajar.

Menurut Syahida Nadia Zakaria (2015), berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap murid tingkatan dua dalam PdP KOMSAS melalui pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional, kedua-dua pendekatan ini dilihat mempunyai perbezaan dari segi keberkesanannya. Berdasarkan ujian pra yang diadakan, pemilihan pelajar daripada kedua-dua kumpulan ini ternyata tepat apabila hasil dapatan menunjukkan tiada wujudnya perbezaan yang signifikan pencapaian antara kumpulan eksperimen pelajar dan hasil eksperimen menunjukkan murid mempunyai pengetahuan sedia ada dan pengalaman yang berada pada tahap yang sama. Hal ini jelas menunjukkan bahawa pendekatan konstruktivisme yang cuba diterapkan dalam PdP KOMSAS lebih berkesan dan dapat meningkatkan prestasi murid secara umumnya. Oleh itu, jelas bahawa pendekatan konstruktivisme ini lebih mendatangkan kebaikan berbanding dengan pendekatan tradisional yang diamalkan sebelum ini. Kajian ini turut menguatkan lagi kajian yang dilakukan oleh Subadrah Nair & Malar Muthiah (2005) mendapati bahawa murid lebih mudah memahami mata pelajaran sejarah dan lebih berminat mempelajari subjek ini menggunakan pendekatan konstruktivisme.

Secara umumnya kemahiran membaca merupakan empat kemahiran penting yang perlu dikuasai. Kemahiran membaca merupakan proses kompleks yang melibatkan proses komunikasi antara pembaca dengan penulis melalui proses pembacaan (Baharom Mohamad et al., 2012). Hal ini kerana membaca merupakan salah satu sumber kepada pengetahuan dan asas kepada pembentukan diri ke arah pembentukan ilmu pengetahuan. Tujuan utama pembacaan adalah untuk memahami teks yang dibaca dan kandungan teks memberikan makna kepada pembaca. Di samping itu, matlamat pembelajaran membaca adalah untuk melahirkan pelajar yang berupaya mendapatkan maklumat daripada membaca serta mengamalkan sikap membaca yang positif. Menurut Yahya Othman (2006), pengajaran dan pembelajaran murid akan dilatih agar berupaya mengetahui cara penggunaan sesuatu perkataan, frasa dan ayat yang dapat mengembangkan kemahiran bahasa pelajar. Hal ini turut disokong oleh Ahmad Kilani Mohamed et al. (2003) yang menjelaskan bahawa membaca merupakan proses pemikiran dan sebagai satu usaha pembaca untuk cuba memahami maksud yang cuba disampaikan oleh penulis.

Di Malaysia, terdapat Dasar Galakan Membaca Perpustakaan Negara Malaysia yang telah diluluskan pada tahun 14 Mac 2013 (Anis Farhana Mohd Kassim et al., 2019). Dasar ini diperkenalkan bertujuan untuk memastikan minat membaca dalam kalangan masyarakat dapat disemai dan menyokong pembelajaran sepanjang hayat. Kemahiran dan minat membaca bukan sekadar tertumpu kepada bahan fizikal, tetapi juga melalui medium dalam talian. Hal ini kerana bahan bacaan kini boleh didapati melalui medium dalam talian dan masyarakat masa kini lebih terdedah kepada bahan bacaan secara maya. Walau bagaimanapun, pembacaan buku masih relevan dalam kehidupan yang moden dan masih signifikan dalam bidang pendidikan walaupun berlakunya perkembangan teknologi yang pesat. Menurut Subashini Annamalai & Balakrishnan Muniandy (2013), sikap membaca adalah perasaan atau apa yang dirasai oleh pelajar tentang membaca. Sikap membaca juga berkaitan penerimaan atau penolakan seseorang terhadap aktiviti membaca dan bergantung kepada pengalaman lepas dan sistem sosial di sekeliling individu. Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Affidah Morni & Siti Huzaimah Sahari (2013) yang mengkaji berkenaan sikap membaca pelajar UiTM di Sarawak mendapati majoriti pelajar menyukai aktiviti membaca dan menjadikan aktiviti membaca sebagai hobi.

Antara faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca pelajar adalah disebabkan faktor motivasi membaca (Castle, 2015). Motivasi merupakan keadaan dalaman yang mengerak dan memberi arah kepada pemikiran, perasaan dan tingkah laku. Menurut kajian yang dijalankan oleh Castle (2015) yang mengkaji pelajar sekolah rendah di bandar New York mendapati bahawa kanak-kanak lebih bermotivasi untuk membaca sekiranya buku itu berdasarkan pilihan utama dan minatnya. Bahan bacaan yang dipilih berdasarkan minat akan memberikan dorongan kepada mereka untuk terus membaca dan mempunyai tahap motivasi membaca yang tinggi. Berdasarkan kajian beliau, dapat dijelaskan bahawa pembaca mempunyai motivasi yang tinggi dalam pembacaan apabila wujud penglibatan daripada ibu bapa, guru-guru dan rakan-rakan. Oleh itu, bantuan dan dorongan daripada orang sekeliling memberi motivasi kepada pembaca.

Selain faktor motivasi, faktor persekitaran membaca di rumah turut menyumbang kepada sikap positif membaca. Sikap membaca yang positif seperti pendedahan kepada aktiviti membaca dari rumah seperti bercerita, membaca dengan kuat dan bercerita tentang buku yang telah dibaca membantu kepada minat membaca. Hal ini turut disokong oleh Najeemah Mohd Yusof (2010) yang mendapati bahawa kanak-kanak yang mempunyai keupayaan dan minat yang tinggi dalam aktiviti pembacaan. Selain itu, Kamarulzaman Abdul Ghani & Wan Sakiah Wan Ngah (2018) telah membuat kajian untuk melihat hubungan antara kemahiran membaca, persekitaran pembelajaran dan amalan pengajaran guru dengan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Arab pelajar. Berdasarkan dapatan kajian, mereka juga mendapati bahawa tahap sikap membaca pelajar dan juga amalan membaca mereka adalah pada tahap yang sederhana dan menunjukkan wujudnya hubungan yang signifikan dalam kesemua hipotesis kajian kecuali pada hubungan antara amalan pengajaran dengan pencapaian.

Menurut Ooi (2020), terdapat juga beberapa faktor lain yang mempengaruhi kemahiran membaca antaranya kerumitan sesuatu bahan bacaan. Kerumitan teks akan dipengaruhi oleh keupayaan pembaca dan kelancaran berbahasa serta tahap kefahaman semasa membaca. Pengkaji juga menjelaskan bahawa penguasaan kosa kata juga akan mempengaruhi kemahiran membaca seseorang individu. Hal ini kerana penguasaan kosa kata merupakan aspek yang penting dalam penguasaan kemahiran berbahasa. Kekurangan dalam penguasaan kosa kata akan menjadi halangan kepada seseorang individu dalam membaca sesuatu teks bacaan. Pengetahuan sedia ada pelajar juga merupakan antara faktor yang mempengaruhi kemahiran membaca (Ooi, 2020). Menurut Shen (2013), pengetahuan sedia ada dapat meningkatkan kemahiran membaca dan daya ingatan tentang apa yang telah dibaca. Pelajar akan dapat memahami apa yang telah dibaca dengan konsep-konsep yang telah difahami dan disimpan dalam ingatan mereka. Oleh yang demikian, amatlah penting bagi pelajar untuk membuat hubung kait untuk membina makna sesuatu teks yang dibaca.

Metodologi Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian secara kualitatif. Menurut Kamarul Azmi Jasmi (2012), penyelidikan kualitatif boleh didefinisikan sebagai kaedah yang memberatkan usaha untuk mencari dan memberikan keterangan serta pemerhatian bukan numerikal, walaupun terdapat keterangan yang merujuk kepada kaedah yang berbentuk statistik. Seterusnya, dalam penyelidikan kualitatif terdapat beberapa kaedah yang boleh digunakan oleh para pengkaji seperti fenomenologi, etnografi, kajian kes, kajian tindakan, *grounded theory* dan sebagainya. Dalam kajian ini, pengkaji akan menggunakan kaedah kajian tindakan bagi mengenal pasti keberkesanan strategi pengajaran timbal balik dalam memupuk kemahiran dan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar elektif sastera di sekolah menengah. Kajian tindakan bagi kajian ini dibuat adalah untuk memberikan pendedahan kepada guru khasnya kepada guru mata pelajaran Kesusteraan Melayu Komunikatif dalam menyelesaikan dan mengatasi masalah kurangnya kemahiran serta minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar sastera itu sendiri. Oleh yang demikian, dalam kajian tindakan yang dilaksanakan pengkaji akan menggunakan beberapa kaedah dalam pengumpulan data kajian seperti kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Bagi temu bual, pengkaji akan mengadakan temu bual secara berstruktur, iaitu soalan-soalan telah ditentukan untuk semua responden. Seterusnya, pengkaji akan menggunakan dua orang responden guru KMK dan 20 orang responden pelajar elektif KMK yang terdiri daripada tingkatan empat dan lima. Temu bual dijalankan selama 10 minit untuk setiap responden murid dan 20 minit untuk responden guru. Semua temu bual yang dijalankan akan dirakam. Bagi soalan pula, pengkaji bertanyakan soalan berkenaan dengan objektif pertama dan kedua, iaitu yang berkaitan dengan kemahiran membaca, minat membaca, pengalaman guru menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik dan pembelajaran koperatif. Bilangan soalan yang ditanya kepada setiap murid adalah sama, iaitu tujuh soalan, manakala 10 soalan disoal kepada guru. Bagi memperoleh data temu bual, pengkaji telah membuat transkripsi kepada setiap jawapan yang diberikan oleh murid dan guru.

Bagi pemerhatian pula, pengkaji akan mengadakan pemerhatian secara turut serta, iaitu pengkaji akan mengikuti sesi PdP guru KMK. Pengkaji membuat pemerhatian menggunakan borang senarai semak yang telah disediakan. Antara perkara yang dititikberatkan dalam borang senarai semak, iaitu tingkah laku pelajar, maklum balas pelajar di dalam kelas, kerjasama pelajar dalam kumpulan menggunakan kaedah koperatif, dan cara guru menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik. Pengkaji juga akan menjalankan pemerhatian sebanyak dua kali, iaitu kali pertama guru menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik semasa PdP dan pemerhatian pada kali kedua, iaitu semasa guru menggunakan kaedah pembelajaran secara konvensional. Tujuan pengkaji mengadakan pemerhatian sebanyak dua kali adalah untuk membuat perbandingan antara kaedah pembelajaran konvensional dan pembelajaran menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik. Hasil daripada borang senarai semak semasa membuat pemerhatian akan dianalisis dan dirumuskan sebagai dapatan dalam kajian.

Selain itu, pengkaji akan membuat analisis terhadap beberapa dokumen seperti jurnal, tesis, dan beberapa dokumen lain. Hal ini adalah bagi menambahkan lagi data bagi mencapai objektif kajian. Analisis dokumen yang dijalankan juga untuk memberikan pengetahuan berkaitan teori atau Strategi Pengajaran Timbal Balik. Kaedah analisis dokumen ini digunakan adalah untuk membantu pengkaji mencapai objektif yang memfokuskan kepada keberkesanan Strategi Pengajaran Timbal Balik terhadap kemahiran dan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar elektif sastera. Reka bentuk penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini adalah penyelidikan kualitatif. Strategi kajian ini pula ialah kajian tindakan, manakala data kajian ini pula adalah kombinasi daripada kaedah temu bual, pemerhatian dan analisis dokumen.

Dapatan dan Perbincangan

Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenal pasti keberkesanan Strategi Pengajaran Timbal Balik dalam memupuk kemahiran dan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar elektif Kesusasteraan Melayu. Bagi mencapai tahap keberkesanan strategi ini, pengkaji telah menggariskan dua objektif, iaitu untuk mengenal pasti tahap kemahiran dan minat membaca teks sastera pelajar elektif Kesusasteraan Melayu di sekolah. Seterusnya, untuk menganalisis keberkesanan Strategi Pengajaran Timbal Balik terhadap memupuk kemahiran membaca dan minat membaca pelajar kesusasteraan Melayu di sekolah berdasarkan Teori Konstruktivisme Sosial. Oleh yang demikian, pengkaji akan membincangkan kesan penggunaan Strategi Pengajaran Timbal Balik ke atas kemahiran membaca dan minat membaca.

Kesan Strategi Pengajaran Timbal Balik Dalam Kemahiran Membaca Pelajar

Berdasarkan hasil dapatan bagi temu bual bersama guru, pelajar dan pemerhatian yang dilakukan oleh pengkaji, Strategi Pengajaran Timbal Balik sangat memberikan kesan ketara kepada kemahiran membaca pelajar. Hal ini dikatakan kerana berdasarkan temu bual bersama-sama pelajar, kebanyakan mereka tidak mempunyai kemahiran membaca yang baik kerana setelah mereka membaca, mereka masih tidak dapat memahami apa yang dibaca dengan baik. Dalam erti kata lain, mereka tidak memahami perkara yang dibaca. Perkara ini dapat dibuktikan melalui hasil transkripsi daripada temu bual yang dibuat bersama-sama pelajar seperti berikut, iaitu:

Jadual 1

Kesan Strategi Pengajaran Timbal Balik dalam Kemahiran Membaca Pelajar

Pelajar	Transkripsi
Pelajar 1	"Setelah saya membaca teks sastera, saya kurang memahami keseluruhan jalan cerita teks tersebut. Kebiasaannya, saya akan lupa apa yang telah dibaca".
Pelajar 2	"Setelah membuat pembacaan, saya tidak dapat memahami teks sastera dengan baik. Saya sukar untuk memahami teks tersebut secara keseluruhan".
Pelajar 3	"Setelah membuat pembacaan teks-teks sastera, saya masih tidak dapat memahami jalan cerita dengan baik. Selain itu, saya tidak dapat menjelaskan semula apa yang dibaca apabila ditanya oleh guru".
Pelajar 4	"Setelah membaca teks-teks sastera seperti novel dan prosa tradisional saya tidak dapat memahami apa yang disampaikan dalam bacaan saya dengan jelas. Saya juga tidak dapat mengingati peristiwa cerita dalam teks tersebut atas faktor membaca hanya untuk memenuhi kehendak PdP".

Berdasarkan jadual di atas, dapatan hasil transkripsi temu bual beberapa orang pelajar menunjukkan bahawa pelajar masih kurang memahami teks yang dibaca secara keseluruhan. Hal ini sangat memberikan impak negatif kepada pengetahuan mereka kerana seolah-olah menjadikan pembacaan mereka sia-sia serta tidak mendatangkan sebarang hasil. Hasil daripada dapatan kajian selepas pelajar menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik, pengkaji mendapati bahawa strategi ini telah membawa perubahan yang baik dalam kalangan pelajar elektif Kesusasteraan Melayu Komunikatif. Hal ini dapat dibuktikan melalui hasil transkripsi temu bual bersama guru dan pelajar seperti berikut, iaitu:

Jadual 2

Kesan Strategi Pembelajaran Timbal Balik kepada Guru

Soalan	Jawapan Guru
Setelah cikgu menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik adakah ia sedikit sebanyak dapat meningkatkan kemahiran dan minat membaca pelajar terhadap teks sastera?	Guru A “Sedikit sebanyak dapat membantu sebilangan murid untuk memahami apa yang dibaca”. Guru B “Strategi ini membantu dalam meningkatkan kemahiran dan minat membaca murid itu sendiri”.

Jadual 2 menunjukkan soalan dan jawapan yang diberikan oleh guru berdasarkan soalan kesan strategi tersebut kepada mereka. Guru A menyatakan bahawa Pengajaran Timbal Balik membantu pelajar dalam memahami teks yang dibaca. Dapatkan ini turut selari dengan pendapat Guru B yang menyatakan bahawa strategi ini membantu meningkatkan kemahiran dan minat membaca murid itu sendiri. Jadual seterusnya berkaitan kesan Strategi Pembelajaran Timbal Balik kepada pelajar, iaitu:

Jadual 3

Kesan Strategi Pembelajaran Timbal Balik kepada Pelajar

Soalan	Jawapan Pelajar
Adakah strategi pengajaran timbal balik memberikan kefahaman yang jelas terhadap pembacaan anda? Jika ya atau tidak. Nyatakan mengapa.	Pelajar 1 “Strategi Pengajaran Timbal Balik ini memberikan kefahaman yang sangat jelas terhadap pembacaan saya kerana, melalui strategi pengajaran timbal balik ini memberikan peluang kepada kami untuk berbincang antara satu sama lain”. Pelajar 2 “Strategi ini memberikan saya pendedahan gaya pembacaan yang betul dan sesuai”. Pelajar 3 “Strategi ini membantu saya memahami dengan lebih jelas melalui komunikasi secara terus antara guru dan murid yang membolehkan masing-masing menyuarakan pendapat”. Pelajar 4 “Hasil pembacaan saya disokong dan ditambah oleh rakan-rakan yang lain melalui perbincangan secara menyeluruh di dalam bilik darjah”. Pelajar 5 “Strategi ini mempunyai beberapa kaedah ataupun teknik dalam pembacaan yang membolehkan saya membaca sambil menganalisis bahan bacaan saya bagi memberikan kefahaman yang jelas”.

Berdasarkan kepada transkripsi temu bual menunjukkan bahawa penggunaan Strategi Pengajaran Timbal Balik dalam pembacaan mereka yang menggunakan empat strategi yang telah ditetapkan sangat membantu mereka memahami apa yang dibaca. Hal ini merupakan salah satu kemahiran baharu yang mereka peroleh untuk digunakan dalam pembacaan mereka di masa akan datang. Dapatkan kajian ini turut disokong oleh beberapa orang penyelidik berdasarkan kajian mereka. Contohnya, kajian yang dilakukan oleh Oraib (2017) turut menunjukkan bahawa Strategi Pengajaran Timbal Balik ini berkesan dalam meningkatkan tahap pencapaian membaca dalam kalangan pelajar. Hal ini kerana empat strategi yang diketengahkan dalam pembacaan menggunakan strategi ini dikatakan dapat meningkatkan penguasaan kosa kata pelajar dan keupayaan membuat inferensi semasa proses membaca dijalankan. Kenyataan ini turut dinyatakan oleh Daberera et al. (2014) dalam kajiannya. Kajian Daberera et al. (2014) menunjukkan bahawa empat strategi metakognitif yang diketengahkan dalam Strategi Pengajaran Timbal balik amat berkesan untuk meningkatkan kemahiran membaca pelajar. Selain itu, Sahab (2014) dalam kajiannya berjaya menunjukkan bahawa Strategi Pengajaran Timbal Balik dapat meningkatkan kemahiran membaca pelajar sekolah menengah khususnya teks yang berbentuk naratif. Hal ini bertepatan dengan pembacaan pelajar elektif Kesusastraan Melayu kerana mereka telah mempunyai kemahiran dalam membaca teks sastera seperti cerpen, prosa tradisional, novel dan sebagainya.

Jika dibandingkan Strategi Pengajaran Timbal Balik dengan kaedah konvensional, kaedah konvensional tidak meningkatkan sebarang kemahiran dalam diri pelajar, sama ada kemahiran membaca, kemahiran berfikir, kemahiran berkomunikasi dan sebagainya. Namun, Strategi Pengajaran Timbal Balik ini telah memberikan kemahiran kepada pelajar, sama ada kemahiran membaca, kemahiran komunikasi dan sebagainya. Namun pada dasarnya, hal ini meningkatkan kemahiran membaca teks sastera dalam kalangan pelajar Kesusastraan Melayu. Hal ini sama seperti apa yang diperkatakan oleh Soonthornmanee (2002) yang membuat perbandingan antara Strategi Pengajaran Timbal balik dengan kaedah konvensional dalam kalangan pelajar. Berdasarkan kajiannya, Strategi Pengajaran Timbal Balik didapati memanfaatkan pelajar, sama ada pelajar yang mahir membaca atau pelajar yang tidak mahir membaca. Dalam penyelidikan beliau, Strategi Pengajaran Timbal Balik didapati lebih berkesan untuk meningkatkan kemahiran membaca pelajar berbanding dengan teknik konvensional. Hal ini turut berlaku kepada pelajar elektif Kesusastraan Melayu yang pada mulanya tidak mahir membaca teks sastera. Setelah menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik, mereka semakin yakin dalam pembacaan mereka. Oleh itu, berdasarkan data yang diperoleh dan sokongan daripada beberapa penyelidik jelas membuktikan bahawa Strategi Pengajaran Timbal Balik dapat meningkatkan kemahiran membaca pelajar elektif Kesusastraan Melayu dalam membaca teks-teks sastera.

Kesan Strategi Pengajaran Timbal Balik Terhadap Minat Membaca Pelajar

Dapatkan kajian yang diperoleh jelas menunjukkan bahawa terdapat perubahan dalam minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar sastera. Jika dilihat, majoriti pelajar yang pada mulanya tidak minat membaca dan tidak gemar membaca teks sastera mempunyai perubahan apabila mereka mula menunjukkan minat terhadap pembacaan teks-teks sastera. Hasil kajian menunjukkan terdapat perbezaan yang signifikan bagi minat membaca teks sastera bagi pelajar elektif sastera tingkatan empat dan juga tingkatan lima. Hal ini dapat dibuktikan melalui transkripsi temu bual bersama pelajar seperti jadual berikut, iaitu:

Jadual 4

Kesan Strategi Pembelajaran Timbal Balik terhadap Minat Membaca Pelajar

Soalan	Jawapan Pelajar
Melalui pembelajaran pada hari ini yang menggunakan strategi Pengajaran Timbal Balik, adakah anda mempunyai minat untuk terus membaca teks sastera?	Pelajar 1 “Saya boleh memahami jalan cerita dengan baik”. Pelajar 2 “Jika sekiranya, strategi ini terus digunakan ianya amat membantu saya dalam pemahaman teks bacaan”. Pelajar 3 “Strategi pengajaran yang digunakan pada hari ini ianya menambahkan lagi minat membaca saya terhadap teks sastera”. Pelajar 4 “Sedikit sebanyak mampu memupuk minat saya untuk membaca”. Pelajar 5 “Saya dapati saya lebih memahami isi teks-teks yang dibaca”.

Berdasarkan data yang diperoleh dapatkan kajian menunjukkan Strategi Pengajaran Timbal Balik dapat meningkatkan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar elektif sastera. Melalui Strategi Pengajaran Timbal Balik, murid diberikan kepada beberapa kumpulan kecil yang membawa kepada pembelajaran secara koperatif. Dalam kumpulan kecil, murid diminta untuk membaca menggunakan empat strategi membaca yang dicadangkan dalam Strategi Pengajaran Timbal Balik, iaitu meramal, menyoal, menjelaskan dan merumus. Pembelajaran koperatif yang digunakan dalam Strategi Pengajaran Timbal Balik merupakan salah satu gaya pembelajaran yang berpusatkan murid. Pembelajaran berpusatkan murid ini dapat mewujudkan suasana PdP yang lebih aktif di mana perbincangan antara ahli kumpulan sering berlaku dengan penerapan empat strategi yang diterapkan untuk mencapai matlamat yang sama dalam kumpulan. Menurut Fajrina Salina Adhia (2018), kaedah pengajaran koperatif membolehkan murid belajar dalam bentuk kumpulan dan dapat mewujudkan suasana yang menyeronokkan dan seterusnya meningkat minat membaca murid. Pernyataan ini turut disokong oleh Azizi Yahaya & Intan Sapinas Bahuri (2019), iaitu pembelajaran koperatif membentuk kemahiran interaksi dan berkomunikasi pelajar yang membawa kepada pembelajaran yang berkesan. Oleh yang demikian, pembelajaran menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik ini dapat memberikan minat membaca kepada pelajar kerana pelajar boleh bekerjasama dalam kumpulan bagi membantu antara satu sama lain dalam pembentukan matlamat yang sama dalam PdP.

Selain itu, Sahab (2014) turut menyokong dan berpendapat bahawa Strategi Pengajaran Timbal Balik mendatangkan pelbagai manfaat kepada pelajar termasuk meningkatkan minat membaca mereka. Berdasarkan temu bual bersama-sama Guru A, beliau menyatakan bahawa Strategi Pengajaran Timbal Balik ini mampu meningkatkan minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar. Menurut beliau, minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar semakin meningkat setelah menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik. Pada awal penggunaan strategi ini, perubahan dilihat agak perlahan. Minat dalam kalangan mereka untuk membaca teks sastera semakin meningkat saban hari. Hal ini turut diperkatakan oleh beberapa orang responden pelajar yang menjelaskan bahawa mereka semakin berminat membaca teks sastera jika dibandingkan dengan sebelum ini. Sebelum ini, mereka tidak membaca teks sastera atas faktor teks tersebut membosankan. Namun, dengan penerapan kemahiran membaca dalam strategi pengajaran timbal balik telah membantu mereka dalam menaikkan minat terhadap teks sastera.

Kenyataan ini turut disokong oleh Rusma (2018) yang menyatakan bahawa murid yang mempunyai minat membaca yang tinggi suka berkongsi apa yang dibaca dengan rakan-rakan yang lain. Hal ini jelas membuktikan bahawa dengan adanya minat membaca dalam kalangan pelajar menjadikan mereka yakin untuk berkongsi pendapat dengan rakan-rakan yang lain. Perkara ini bertepatan dengan empat strategi pembacaan yang terdapat dalam Strategi Pengajaran Timbal Balik, iaitu salah satunya strategi menjelaskan. Dalam kemahiran ini, pelajar akan berupaya menjelaskan semula maklumat yang dibaca oleh mereka kepada rakan mereka yang lain di dalam kumpulan yang sama. Minat membaca teks sastera dalam kalangan pelajar semakin meningkat setelah diperkenalkan dengan Strategi Pengajaran Timbal Balik. Pada awalnya, pelajar sastera tingkatan empat dan tingkatan lima tidak berminat membaca teks sastera kerana menurut mereka teks sastera sukar difahami dan membosankan. Namun, setelah menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik, persepsi mereka terhadap teks sastera terus berubah dan minat mereka untuk membaca teks sastera semakin bertambah.

Kesimpulan

Hasil daripada dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar elektif sastera tingkatan empat dan tingkatan lima mendapat manfaat terutamanya dalam aspek kemahiran dan minat membaca teks sastera menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik. Tambahan pula, dapatan kajian melalui temu bual bersama guru dan pelajar menunjukkan peningkatan yang ketara terhadap minat dan kemahiran membaca mereka setelah menggunakan strategi pengajaran timbal balik. Guru yang ditemu bual iaitu Guru A dan Guru B memberikan maklum balas yang positif terhadap perkembangan pelajar mereka yang menunjukkan hasil daripada Strategi Pengajaran Timbal Balik dalam memupuk kemahiran dan minat membaca mereka. Seterusnya, PdP yang menggunakan Strategi Pengajaran Timbal Balik memberikan maklum balas yang positif dalam kalangan responden pelajar. Rata-rata mereka memberikan pandangan yang positif terhadap PdP membaca yang menggunakan strategi pengajaran timbal balik. Pada masa yang sama, pelajar juga menyatakan mereka gemar menggunakan empat strategi pembacaan yang dibawakan dalam strategi pengajaran timbal balik, iaitu meramal, menyoal, menjelaskan dan merumus dan mereka yakin bahawa strategi pengajaran timbal balik dapat membantu meningkatkan kemahiran membaca mereka. Hal ini jelas dikatakan apabila pada awalnya pembacaan mereka tanpa menggunakan strategi pengajaran timbal balik mereka tidak dapat memahami teks yang dibaca dengan baik dengan kata lain mereka tidak faham akan apa yang dibaca terutamanya bagi teks prosa tradisional. Namun, setelah menggunakan strategi pengajaran timbal balik dalam pembacaan mereka, mereka lebih mudah memahami apa yang disampaikan dalam teks dengan baik.

Rujukan

- Affidah Morni & Siti Huzaimah Sahari. (2013). The impact of living environment on reading attitude. *Procedia-Social and Behavioural Sciences*, 101, 415-425. <https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2013.07.215>
- Ahmad Kilani Mohamed, Azhar Muhammad, & Kamarul Azmi Jasmi. (2003, Oktober 16). *Kemahiran membaca dalam bahasa Arab, huraian daripada segi: Teori, contoh serta pengalaman pengajaran di Universiti Teknologi Malaysia* [Pembentangan kertas kerja]. Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ketiga, Seremban, Malaysia.
- Ani Omar. (2016). Integrasi teknologi dalam pengajaran dan pembelajaran kesusasteraan Melayu mempertingkatkan keyakinan dan keberhasilan guru semasa latihan mengajar. *Jurnal Pendidikan Bitara UPSI*, 9, 13-25. ISSN 1394-7176

Anis Farhana Mohd Kassim, Azlina Mohd Khir, & Mohd Ziyad Afiq Zaharim. (2019). Motivasi membaca, persekitaran membaca di rumah dan sikap membaca dalam kalangan pelajar di Universiti Putra Malaysia (UPM). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 4(6), 92-100. www.msocialsciences.com

Azizi Yahaya & Intan Sapinas Bahuri. (2019). *Pembelajaran koperatif*. Universiti Teknologi Malaysia.

Baharom Muhammad, Mohd Yusof Abdullah, Shukri Zain, Abdul Said Ambotang, Muhamad Suhaimi Taat & Roslee Talip (2012, Februari 12). Menguasai kemahiran membaca secara berkesan. *Utusan Borneo*. <https://eprints.ums.edu.my/id/eprint/3578/1/nc0000001210.pdf>

Ballinger, S. (2013). Towards a cross-linguistic pedagogy: Biliteracy and reciprocal learning strategies in French immersion. *Journal of Immersion and Content Based Language Education*, 1(1), 131-148. <https://doi.org/10.1075/jicb.1.1.06bal>

Castle, K. (2015). *Motivation to read: A study of three primary age students*. *Education and human development* [Unpublished master's thesis]. The College at Brockport, State University of New York. http://digitalcommons.brockport.edu/ehd_theses

Celinea Lasan & Zamri Mahamod. (2018). Pembelajaran Timbal Balik bahasa Melayu dalam kalangan murid peribumi Bidayuh di Sarawak. *Jurnal Pendidikan Malaysia*, 43(2), 1-15. <http://dx.doi.org/10.17576/JPEN-2018-43.02-01>

Dabarrera, C., Renandya, W. A., & Zhang, L. J. (2014). The impact of metacognitive scaffolding and monitoring on reading comprehension. *System*, 42, 462-473. <http://dx.doi.org/10.1016/j.system.2013.12.020>

Doolittle, P. E., Hicks, D., Triplett, C. E. & Nichols, W. D. (2006). Reciprocal teaching for reading comprehension in higher education: A strategy for fostering the deeper understanding of text. *International Journal of Teaching and Learning in Higher Education* 17(2), 106-118. <http://www.isetl.org/ijtlhe/>

Efendi Zakaria. (1998). *Pembelajaran koperatif*. [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Kebangsaan Malaysia.

Fajrina Salina Ahdia. (2018). *Cooperative integrated reading composition in improve pupils reading comprehension achievement, motivation and interest*. [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Huang, X. C. (2018). Kemahiran membaca secara kendiri dalam murid sekolah rendah: Keadaan dan strategi. *China Academic and Journal Electronic Publishing House*, 31(1), 6-7.

Kamarul Azmi Jasmi. (2012, Mac 12). *Penyelidikan kualitatif dalam sains sosial* [Pembentangan kertas kerja]. Kursus Penyelidikan Kualitatif 1 Siri 2, Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru, Johor, Malaysia.

Kamarulzaman Abdul Ghani & Wan Sakiah Wan Ngah. (2018). Hubungan antara sikap membaca, persekitaran pembelajaran dan amalan pengajaran guru dengan pencapaian kefahaman bacaan bahasa Arab Murid. *Tinta Artikulasi Ummah*, 4(2), 24-39. e-ISSN: 2289-960X

- Komariah, E., Ramadhona, P. A. & Silviyanti, T. M. (2015). Improving reading comprehension through reciprocal teaching method. *Studies in English Language and Education*, 2(2), 87-102. <https://doi.org/10.24815/siele.v2i2.2693>
- Majdi Abdullah Ahmad AD-Heisat, Syakirah Mohammed, K.A. Sharmella Krishnasamy, & Jenan H. Issa. (2009). The use of reading strategies in developing students' reading competency among primary school teachers in Malaysia. *European Journal of Social Sciences*, 2(12), 310-319. https://www.europeanjournalofsocialsciences.com/issues/ejss_12_2.html
- McAllum, R. (2014). *Reciprocal teaching: Critical reflection on practice*. Kairaranga.
- McBrien, J. L. & Brandt, R. S. (1997). *The language of learning: A guide to education terms*. Association for Supervision and Curriculum Development.
- Mohd Nazri Abdul Rahman. (2018). *Kehadiran media massa sebagai indikator utama mengubah corak amalan membaca*. [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya.
- Najeemah Mohd Yusof. (2010). Influence of family factors on reading habits and interest among level 2 pupils in national primary schools in Malaysia. *Procedia Social and Behavioural Sciences*, 5, 1160-1165. [10.1016/j.sbspro.2010.07.253](https://doi.org/10.1016/j.sbspro.2010.07.253)
- Norwaliza Abdul Wahab. (2014). *Pendidikan murid orang asli: Satu analisis matlamat, pelaksanaan dan hasil tindakan*. [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Nurul Shahira Salim. (2017). *Amalan pembacaan berkesan dalam kalangan pelajar sarjana pendidikan teknik dan vokasional di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM)*. [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ooi, L. J. (2020). Kesan Strategi Pengajaran Timbal Balik terhadap kemahiran membaca dan minat membaca murid. *Journal of Research, Policy & Practice of Teachers and Teacher Education*, 10(1), 64-77. <https://doi.org/10.37134/jrppte.vol10.1.5.2020>
- Oraib, A. R. (2017). *The impact of reciprocal teaching strategies on the learners' reading comprehension, strategy use and attitudes*. [Disertasi sarjana tidak diterbitkan]. Bierzeir University.
- Palincsar, A. S. (2013). Reciprocal teaching. In J. Hattie & E. M. Anderman (Eds.), *International guide to student achievement* (pp. 369-371). Routledge/Taylor & Francis Group.
- Pressley, M. & Harris, K. R. (2006). Cognitive strategies instruction: From basic research to classroom instruction. In P. A. Alexander & P. H. Winne (Eds.), *Handbook of educational psychology* (pp. 265-286). Lawrence Erlbaum Associates Publishers.
- Rusma, N. (2018). An exploratory study on students reading interest development through independent reading-retelling activity. *Arab World English Journal*, 9(2), 108-117. <http://dx.doi.org/10.2139/ssrn.3201911>

- Sahab, R. M. (2014). The use of reciprocal teaching procedure in teaching narrative text to improve student's reading comprehension. *Journal of English and Education*, 2(2), 81-90. <https://ejournal.upi.edu/index.php/L-E/article/view/4607/3206>
- Schunk, D. H. (2000). *Learning theories: An educational perspective*. Prentice Hall.
- Shen, Q. Y. (2013). Use of blog to improve English writing in the Chinese tertiary EFL classroom. *English Language Teaching and Learning*, 6(10), 51-56. <http://dx.doi.org/10.5539/elt.v6n10p51>
- Subashini Annmalai & Balakrishnan Muniandy. (2013). Reading habit and attitude among Malaysian Polytechnic students. *International Online Journal of Educational Sciences*, 5(1), 32-41. https://iojes.net/?mod=makale_tr_ozet&makale_id=41147
- Soonthornmanee, R. (2002). The effect of the reciprocal teaching approach on the reading comprehension of EFL student. *RELC Journal*, 33(2), 125-141. <https://doi.org/10.1177/00336882020330020>
- Subadrah Nair & Malar Muthiah. (2005). Penggunaan Model Konstruktivisme Lima Fasa Needham dalam pembelajaran Sejarah. *Jurnal Pendidikan dan Pendidikan*, 20, 21-41.
- Swet, J. V., & Ponte, P. (2007). Reciprocal learning by experienced teachers and their educators on a master's degree programme in the Netherlands. *Journal of In-service Education*, 33(1), 67-90. [10.1080/13674580601157711](https://doi.org/10.1080/13674580601157711)
- Syahida Nadia Zakaria. (2015). Kesan pendekatan konstruktivisme dan pendekatan tradisional dalam pengajaran dan pembelajaran komponen sastera Bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 5(2), 12-2. <https://spaj.ukm.my/jpbm/index.php/jpbm/article/view/93/93>
- Umi Kalsom Mohd. Salleh. (2005). Pengajaran *reciprocal*: Satu alternatif Strategi Pembelajaran Berkesan. *Masalah Pendidikan 2005*, 163-171.
- Westera, W. J. (2002). *Reciprocal teaching as a schoolwide inclusive strategy*. [Unpublished doctoral dissertation]. University of Auckland, Auckland Libraries and Learning Service. <https://researchspace.auckland.ac.nz/handle/2292/767>
- Yahya Othman. (2006). *Proses pemahaman teks akademik dalam kalangan pelajar universiti*. [Tesis doktor falsafah tidak diterbitkan]. Universiti Putra Malaysia. http://psasir.upm.edu.my/id/eprint/4808/1/FPP_2006_14A.pdf
- Yeop Hussin. (2006). *Kerja berpasukan*. PTS Profesional Publishing Sdn. Bhd.
- Zaidatul Akmar Zahari. (2020, November 24-25). *Pendekatan kaedah konstruktivisme dalam pengajaran dan pembelajaran pendidikan Islam di sekolah rendah* [Pembentangan kertas kerja]. Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan Secara Dalam Talian. Pusat Pengajian Teras, Kolej Universiti Islam Antarabangsa, Selangor, Malaysia.